

CONFERENCE PROCEEDING

**Undang-Undang Kehakiman di Malaysia dan Luar Negara: Analisis
Kedudukan Anak Luar Nikah**

Muhammad Nawwar Nasrullah, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi

Kolej GENIUS InSAn, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan,
Malaysia.Email: muhammadnawwar11@gmail.com**Abstrak**

Kelahiran anak luar nikah merupakan perkara yang berlaku di kebanyakan negara di seluruh dunia. Kepentingan perkara ini dibuktikan apabila terdapat peruntukan khas berkaitan anak luar nikah dalam undang-undang kehakiman. Kajian yang dilakukan bertujuan mengenal pasti kedudukan anak luar nikah dalam sistem perundangan tiga buah negara iaitu China, *England and Wales* dan Malaysia. Fokus kajian adalah dari sudut pewarisan harta pusaka, hak penjagaan ke atas anak, dan pengambilan anak luar nikah sebagai anak angkat. Hasil kajian mendapati China dan *England and Wales* membenarkan anak luar nikah untuk mewarisi harta ibu bapa namun di Malaysia perwarisan harta hanya boleh diambil daripada ibunya dan keluarga ibunya. Dari aspek penjagaan anak pula, undang-undang di China tidak mempunyai peruntukan terperinci, di *England and Wales* hak tersebut tidak boleh diletakkan ke atas bapa yang belum berkahwin dan di Malaysia pula, tanggungjawab penjagaan terletak pada ibu dan saudara-mara sebelah ibunya. Bagi undang-undang berkaitan pengambilan anak luar nikah sebagai anak angkat di China tidak diberi penekanan oleh undang-undang manakala di *England and Wales* dan Malaysia, mahkamah yang berperanan untuk menentukannya.

Kata kunci: *pewarisan harta, hak penjagaan, anak angkat*

PENGENALAN

Kajian ilmiah ini adalah sebuah kajian analisis peruntukan hak anak luar nikah dalam perundangan tiga buah negara terpilih.

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sebelum akad nikah yang sah sangat ditentang oleh Syariah Islam. Ini disebabkan perbuatan ini boleh mendorong kepada berlakunya banyak masalah sosial seperti perzinaan. Natiujahnya, terdapat peningkatan kes anak luar nikah direkodkan setiap tahun berpunca daripada pergaulan bebas ini. Mengikut statistik pendaftaran kelahiran, seramai 25,567 anak tidak sah taraf didaftarkan dengan JPN sejak 2019 sehingga bulan Januari 2020 yang lalu termasuk bagi perkahwinan yang tidak mencukupi enam bulan. Bukan sahaja di Malaysia malah negara lain juga turut mempunyai masalah berkaitan anak luar nikah juga. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan mengkaji peruntukan hak anak luar nikah dalam perundangan tiga negara iaitu Malaysia, China, dan *England and Wales*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Pengkaji mengenal pasti peruntukan undang-undang berkaitan anak luar nikah dalam tiga aspek iaitu perwarisan harta, penjagaan ke atas anak luar nikah, dan pengambilan anak luar nikah

sebagai anak angkat. Maklumat kemudiannya dianalisis dari sudut persamaan dan perbezaan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dalam 3 aspek berkenaan anak angkat dalam undang-undang negara yang dikaji. Perincianapatan setiap aspek adalah seperti berikut:

Pewarisan Harta

Dalam institusi kekeluargaan, seorang anak merupakan pewaris kepada harta ibu bapa mereka setelah mereka meninggal dunia. Hal ini adalah kerana mereka merupakan penyambung generasi seterusnya dan berikutnya. Namun begitu, situasi berbeza bagi anak luar sama ada golongan ini boleh mewarisi harta ibu bapa mereka kerana tidak mempunyai pertalian kekeluargaan yang tidak sah.

Hasil penelitian mendapati terdapat persamaan antara undang-undang negara China dan *England and Wales*, kedua-duanya membenarkan anak luar nikah untuk mewarisi harta ibu bapa. Namun sebaliknya di Malaysia, perwarisan harta hanya boleh diambil daripada ibu anak luar nikah tersebut dan keluarga ibunya.

Penjagaan Ke Atas Anak Luar Nikah

Setiap ibu bapa berperanan dalam memastikan anak mereka berada dalam keadaan yang selamat kerana ibu bapa adalah tempat di mana anak-anak bergantung seperti tempat tinggal, makanan dan minuman serta pakaian. Akan tetapi, anak luar nikah seringkali menjadi perbalahan antara pelbagai pihak dalam menentukan siapa yang patut menjaga golongan ini.

Undang-undang di China didapati tidak mempunyai peruntukan yang terperinci berkenaan perkara tersebut. Justeru ibu bapa anak luar nikah tersebut bertanggungjawab ke atas anak mereka. Manakala di *England and Wales* hak tersebut tidak boleh diletakkan ke atas bapa yang belum berkahwin dan di Malaysia pula, tanggungjawab penjagaan terletak pada ibu dan saudara-mara sebelah ibunya.

Pengambilan Anak Luar Nikah Sebagai Anak Angkat

Pengambilan anak angkat merupakan satu perkara yang mulia kerana ianya boleh mendatangkan kebahagiaan kepada mereka. Anak angkat yang diambil biasanya golongan anak yatim, yatim piatu ataupun anak luar nikah yang ditinggalkan dan diambil oleh pusat penjagaan kanak-kanak. Walau bagaimana pun, pengambilan anak luar nikah sebagai anak angkat masih tertakluk kepada undang-undang.

Pengambilan anak luar nikah sebagai anak angkat di China tidak diberi penekanan oleh undang-undang manakala di *England and Wales* dan Malaysia, mahkamah yang berperanan untuk menentukannya. Di *England and Wales*, sekiranya anak itu tinggal bersama ibu bapa angkat selama sekurang-kurangnya 10 minggu, mereka boleh membuat permohonan untuk perintah pengadilan anak angkat menggunakan borang A58. Ini akan memberikan hak dan tanggungjawab ibu bapa sepenuhnya ke atas ibu bapa angkat tersebut serta sijil pengangkatan.

KESIMPULAN

Setiap negara mempunyai peruntukan undang-undang yang tersendiri dan berbeza mengikut kesesuaian masyarakat setempat. Undang-undang di Malaysia adalah selari dengan hukum Islam dan adat masyarakat manakala di *England and Wales* dan China, undang-undang di negara mereka digubal bersesuaian dengan norma masyarakat. Didapati sebahagian daripada peruntukan undang-undang negara mereka adalah bercanggah dengan garis panduan dalam agama Islam.

Namun demikian, kedudukan anak luar nikah di ketiga-tiga negara ini masih dipelihara dan diberi layanan yang sama seperti anak biasa. Perwarisan harta, hak penjagaan ke atas mereka dan pengambilan sebagai anak angkat dibolehkan tetapi mengikut undang-undang negara sendiri yang telah diperuntukkan bagi mereka.

RUJUKAN

- Abd Manaf, J. B. (2019). *Tinjauan Fiqh Mawaris Terhadap Pembagian Hak Harta Waris Bagi Anak Luar Nikah Berdasarkan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia* (Tesis Diploma, Universitas Islam Negeri Raden Fatah).
- Mathews, J. F. et. all (1991), *The Law Reform Commission Of Hong Kong Report On Illegitimacy [Topic 28]*
- JPN kaji dasar pendaftaran anak tak sah taraf | Berita Harian. (2020). Dicapai 11 November 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/657401/jpn-kaji-dasar-pendaftaran-anak-tak-sah-taraf>
- Nafkah Dan Hak Penjagaan Bagi Anak Tak Sah Taraf Di Malaysia. (2020). Dicapai 11 November 2020, daripada <https://najwazulkefly.blogspot.com/2017/04/pendahuluan-isu-anak-tak-sahtaraf-di.html>